

'Manusia semakin hilang adab'

26.2.2025
SINAR HARIAN

Sultan Nazrin bertitah mengenai penyakit sosial dalam masyarakat ketika ini

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menekankan bahawa kepincangan masyarakat dan pelbagai penyakit sosial yang semakin berleluasa hari ini bukan berpunca daripada kekurangan undang-undang tetapi kerana manusia hilang adab.

Baginda bertitah, apabila manusia berasakan akal fikiran terlebih pintar, mabuk dilambung kuasa, mereka mula beranggapan memiliki kekebalan, berupaya melakukan pelbagai helah untuk menguasai dunia dan mendominasi manusia lain.

Sikap sedemikian kata baginda, membawa kepada penyisihan hukum, undang-undang dipersenda dan dimanipulasi tanpa sedikit pun rasa gentar terhadap pembalasan akhirat.

"Kepincangan masyarakat dan penyakit sosial yang sedang melanda dunia ini hendaklah dilihat sebagai bukti yang menunjukkan bahawa sekadar memiliki undang-undang serta perundangan, tidak membawa sebarang makna.

"Penipuan, perlakuan rasuah,



Sultan Nazrin berkenan melancarkan buku karya Mufti Perak Datuk Seri Wan Zahidi Wan Teh di Ipoh pada Selasa.

pecah amanah, salah guna kuasa, penindasan, penyeksaan, persengketaan, pertelingkahan, perebutan kuasa, peperangan dan pembunuhan semakin berlaku, bukan kerana kita tidak mempunyai cukup undang-undang.

"Segala-galanya berlaku kerana manusia sudah kehilangan adab," titah baginda ketika merasmikan Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di sini pada Selasa.

Memetik pandangan Imam Malik bin Anas, Sultan Nazrin menegaskan bahawa ilmu fiqh dan tasawuf perlu diintegrasikan dalam kehidupan agar masyarakat bukan sahaja memahami hukum, tetapi mengamalkan ajaran Islam dengan penuh adab.

Titah baginda, fiqh telah menyediakan pelbagai komponen perundangan bukan sahaja merangkumi ibadah, muamalah, kekeluargaan dan jenayah, malah

turut merangkumi pemeliharaan ibadah, akhlak serta peraturan sosial dan politik.

Tasawuf pula ialah daya upaya melatih jiwa dengan kegiatan-kegiatan yang dapat membersihkan diri manusia daripada pengaruh kehidupan dunia bersifat negatif sehingga tercermin akhlak mulia.

"Sejak terpinggirnya didikan ilmu tasawuf di bangku sekolah, manusia kini seakan-akan jasad yang hilang rohnya, tidak lagi mementingkan rohani, sebaliknya dibelenggu dengan habuan ke-bendaan dan keduniaan.

"Pada waktu sama, turut terdapat gerakan membenci tasawuf sehingga melahirkan generasi tidak beradab, menderhakai ibu bapa dan guru, menghina umara dan ulama, juga menyanggah serta mencabar ulul amri dengan mengucapkan kata-kata tidak sepatutnya," titah baginda.